

# **KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI**

## **SURAT PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN BIL. 2 TAHUN 2006**

Semua Syarikat Kawalan Keselamatan

### **GARIS PANDUAN PENGAMBILAN BEKAS TENTERA WARGANEGARA NEPAL UNTUK BEKERJA SEBAGAI PENGAWAL KESELAMATAN**

#### **TUJUAN**

1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Kawalan Keselamatan mengenai syarat-syarat dan garis panduan pengambilan bekas tentera warganegara Nepal untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan.

#### **LATARBELAKANG**

2. Kementerian membenarkan pengawal keselamatan warganegara Nepal (bekas tentera) untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan di Malaysia. Walau bagaimanapun bilangan yang diluluskan adalah terhad. Kementerian berharap kemasukan pengawal keselamatan warganegara Nepal ini akan menjadi contoh atau model kepada pengawal keselamatan tempatan dengan menampilkan imej berdisiplin, setia dan patuh kepada arahan yang ditetapkan.

3. Walau bagaimanapun sejak kebelakangan ini, Kementerian mendapati terdapat Syarikat Kawalan Keselamatan yang menggaji pengawal keselamatan warganegara Nepal telah melanggar syarat dan peraturan yang ditetapkan iaitu, antara lain termasuk:-

3.1. Mengambil pengawal keselamatan warganegara Nepal yang bukan terdiri dari bekas tentera;

- 3.2. tidak mengemukakan dokumen seperti sijil/buku perkhidmatan yang sah;
  - 3.3. tidak mematuhi prosedur membawa masuk pengawal keselamatan warganegara Nepal seperti yang telah ditetapkan;
  - 3.4. membenarkan pengawal keselamatan warganegara Nepal yang telah diluluskan untuk bekerja di syarikat lain;
  - 3.5. mengambil pengawal keselamatan warganegara Nepal dari syarikat lain untuk bekerja dengan syarikat sendiri;
  - 3.6. tidak mengemukakan senarai nama dan tempat bertugas pengawal keselamatan warganegara Nepal yang telah dibawa masuk;
  - 3.7. gagal membayar gaji dan lain-lain faedah perkhidmatan mengikut kontrak;
  - 3.8. mengambil pekerja Nepal yang telah berada di Malaysia dan bekerja di sektor perkhidmatan seperti yang diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk bertugas sebagai pengawal keselamatan; dan
  - 3.9. pemalsuan dokumen kerajaan berkaitan dengan kemasukan warganegara asing ke Malaysia.
4. Tindakan melanggar syarat yang ditetapkan adalah merupakan satu kesalahan dan sesuatu yang tidak sewajarnya dilakukan. Oleh itu semua Syarikat Kawalan Keselamatan yang menggunakan perkhidmatan pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi tujuan memastikan Syarikat Kawalan Keselamatan memahami dengan lebih jelas mengenai peraturan berkaitan pengambilan warganegara Nepal sebagai pengawal keselamatan, bersama-sama ini dikemukakan syarat-syarat serta peraturan-peraturan pengambilan warganegara Nepal (bekas tentera) sebagai pengawal keselamatan seperti di Lampiran A.

5. Syarikat-syarikat adalah diingatkan supaya menjaga kebajikan, membayar gaji serta mematuhi kontrak kerja yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Ini bagi memastikan prestasi kerja pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak merosot serta bertujuan untuk menjaga imej industri kawalan keselamatan keseluruhannya.

6. Semua syarikat yang menggaji pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah diingatkan bahawa kegagalan syarikat mematuhi syarat-syarat berkenaan akan menyebabkan kelulusan serta kemudahan pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal (bekas tentera) akan ditarik semula dan permohonan syarikat untuk menggunakan pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak akan diluluskan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 2/2006 ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in blue ink, followed by the date "30.9.2006" written in the same ink.

**(TAN SRI ABDUL AZIZ MOHD. YUSOF)**

Ketua Setiausaha

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

s.k. Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia  
(PPKKM)

## **PENGAMBILAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL (BEKAS TENTERA)**

### **1. SYARAT-SYARAT PENGAMBILAN WARGANEGARA NEPAL ADALAH SEPERTI BERIKUT:-**

#### **1.1 Syarat-syarat pengambilan warganegara Nepal yang telah diluluskan adalah seperti berikut:**

- (i) pengawal keselamatan warganegara Nepal hendaklah terdiri dari bekas tentera dan memiliki buku/sijil perkhidmatan sebagai bekas tentera;
- (ii) calon pengawal keselamatan warganegara Nepal berkenaan hendaklah mendapatkan visa sebelum dibawa masuk ke Malaysia;
- (iii) pengawal keselamatan warganegara Nepal yang diambil bekerja oleh syarikat tuan adalah untuk tempoh selama tiga (3) tahun sahaja. Permohonan untuk lanjutan untuk tahun ke 4 dan ke 5 hendaklah dikemukakan ke Kementerian;
- (iv) pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak dibenarkan bertugas di sasaran-sasaran penting negara;
- (v) pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak dibenarkan bertugas sebagai pengawal bersenjata (*Armed Security Guard*);
- (vi) **pengawal keselamatan warganegara Nepal yang diluluskan untuk syarikat yang memohon tidak boleh diserahkan untuk bertugas secara langsung atau tidak langsung dengan syarikat kawalan keselamatan lain;**
- (vii) **syarikat juga tidak dibenarkan menggunakan pengawal keselamatan dari syarikat lain untuk**

**bekerja secara langsung atau tidak langsung di syarikat sendiri;**

- (viii) tertakluk kepada peraturan-peraturan biasa Jabatan Imigresen Malaysia;
- (ix) syarat-syarat lain yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri selaras dengan peruntukan di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971; dan
- (x) kelulusan yang diberikan berkuat kuasa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Syarikat dikehendaki membawa masuk pengawal keselamatan dalam tempoh tersebut. Kelulusan ini akan terbatal sekiranya syarikat tidak mematuhi syarat ini.

**2. PROSEDUR UNTUK MENDAPATKAN SURAT KELULUSAN VISA DENGAN RUJUKAN (CALLING VISA) DARIPADA JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

**2.1 Sebelum surat kelulusan visa dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, syarikat dikehendaki mengemukakan perkara-perkara berikut kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri :**

- (i) senarai nama dan nombor pasport calon pengawal keselamatan berkaitan;
- (ii) buku/sijil asal perkhidmatan bekas askar yang ingin dibawa masuk (sila pastikan penyerahan dibuat kepada pegawai yang berkenaan dan buku/sijil asal perkhidmatan bekas askar tersebut akan dipulangkan kepada syarikat selepas semakan); dan
- (iii) salinan buku/sijil perkhidmatan bekas askar yang disahkan oleh mana-mana kedutaan atau pihak berkuasa yang berkaitan. Bagi warganegara Nepal

yang pernah berkhidmat dengan tentera British, salinan Buku Perkhidmatan Bekas Askar hendaklah disahkan oleh Kedutaan British di Lainchaur, Kathmandu, Nepal.

### **3. TINDAKAN SEBELUM DAN SELEPAS KEMASUKAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL KE MALAYSIA**

**3.1 Selepas surat kelulusan visa dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, syarikat dikehendaki mengemukakan perkara-perkara berikut kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri:**

- (i) memaklumkan tarikh kemasukan pengawal keselamatan berkenaan. Dalam tempoh 1 bulan pegawai Kementerian akan mengadakan pemeriksaan bagi memastikan pengawal yang masuk adalah benar-benar bekas tentera. Sekiranya didapati pengawal keselamatan warganegara Nepal berkenaan bukan terdiri dari bekas tentera, Kementerian akan memaklumkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengeluarkan *check out* memo supaya pengawal berkenaan dihantar pulang ke negara asal; dan
- (ii) syarikat dikehendaki memaklumkan kepada Kementerian ini tempat bertugas pengawal keselamatan berkenaan selepas di bawa masuk. Syarikat dikehendaki mengisi borang Daftar Pekerja Warganegara Nepal seperti di Lampiran 1.

### **4 PERMOHONAN PENGGANTIAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL**

**4.1 Syarikat kawalan keselamatan dibenarkan untuk memohon penggantian pengawal keselamatan warganegara Nepal atas alasan-alasan berikut:**

4.1.1 Pengawal keselamatan yang tidak dapat dibawa masuk walaupun telah diberi visa kerana sebab-sebab berikut:

- (i) calon pengawal gagal dihubungi;
- (ii) calon pengawal menarik diri;
- (iii) gagal dalam ujian kesihatan;
- (iv) gagal dalam ujian pengesahan bekas tentera
- (v) tidak mematuhi syarat-syarat; dan
- (vi) gagal dalam mana-mana syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Sumber Manusia atau mana-mana peraturan lain yang berkaitan.

4.1.2 Pengawal keselamatan yang dihantar pulang kerana sebab-sebab berikut:

- (i) masalah disiplin;
- (ii) masalah peribadi;
- (iii) telah tamat kontrak;
- (iv) sakit/kemalangan; dan
- (v) lari dari tugas  
(sila kemukakan salinan laporan polis).

**4.2 Syarat-syarat permohonan penggantian pengawal keselamatan Nepal adalah seperti berikut:**

4.2.1 setiap kelulusan pengambilan warganegara Nepal hanya sah untuk tempoh 5 tahun sahaja. Syarikat dibenarkan untuk membuat penggantian pengawal keselamatan yang telah dihantar pulang dalam tempoh tersebut. Selepas tamat tempoh, surat kelulusan akan terbatal. Sekiranya syarikat masih memerlukan perkhidmatan pengawal keselamatan warganegara Nepal, permohonan baru hendaklah dikemukakan kepada Kementerian dan ianya tertakluk kepada syarat-syarat semasa.

4.2.2 Permohonan penggantian bagi pengawal keselamatan warganegara Nepal yang tidak dapat hadir, dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- (i) surat permohonan penggantian yang mengandungi:
  - nama-nama pengawal yang tidak dapat dibawa masuk;
  - sebab-sebab pengawal tidak dapat dibawa masuk; dan
  - nama-nama calon pengganti yang akan dibawa masuk;
- (ii) surat kelulusan pengambilan pengawal keselamatan Nepal (bekas tentera) oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri;
- (iii) surat kelulusan membawa masuk yang dikeluarkan oleh Kementerian kepada Jabatan Imigresen Malaysia yang mengandungi nama pengawal yang tidak dapat dibawa masuk;
- (iv) surat pengesahan dari kedutaan Malaysia di Kathmandu, Nepal yang menyatakan bahawa penama yang diluluskan oleh Kementerian sebelum ini tidak dapat hadir;
- (v) surat kelulusan '*calling visa*' dari Jabatan Imigresen Malaysia bagi memastikan penama yang diluluskan sebelum ini belum dibawa masuk; dan
- (vi) dokumen-dokumen yang diperlukan bagi calon pengawal yang hendak dibawa masuk adalah seperti di para 2.

4.2.3 Permohonan penggantian bagi pengawal keselamatan warganegara Nepal yang telah dihantar pulang, dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:



- (i) surat permohonan penggantian yang mengandungi:
  - nama-nama pengawal yang telah dihantar pulang;
  - sebab-sebab pengawal dihantar pulang; dan
  - nama-nama calon pengganti yang akan dibawa masuk.
- (ii) surat kelulusan pengambilan pengawal keselamatan Nepal (bekas tentera) oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri;
- (iii) surat kelulusan membawa masuk yang dikeluarkan oleh Kementerian kepada Jabatan Imigresen Malaysia yang mengandungi nama pengawal yang akan dihantar pulang;
- (iv) surat pengesahan memo periksa *keluar (check out memo)* dari Jabatan Imigresen Malaysia bagi memastikan pengawal telah pulang; dan
- (v) dokumen-dokumen yang diperlukan bagi calon pengawal yang hendak dibawa masuk adalah seperti di para 2.

## **5. PERMOHONAN PERLANJUTAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN NEPAL.**

**5.1 Syarikat kawalan keselamatan dibenarkan untuk memohon pelanjutan tempoh perkhidmatan pengawal keselamatan warganegara Nepal. Tempoh maksimum**

**perkhidmatan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 5 tahun (3+1+1). Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:**

- (i) Surat permohonan penggantian yang mengandungi:
  - nama-nama pengawal yang hendak dilanjutkan tempoh;
  - senarai nombor dan tarikh tamat tempoh pasport;
  - senarai tamat tempoh Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS); dan
  - sebab-sebab permohonan lanjut tempoh perkhidmatan
  
- (ii) salinan pasport dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang disahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia; dan
  
- (iii) dokumen/ surat sokongan dari pelanggan

## **6. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PENGAMBILAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL (BEKAS TENTERA)**

6.1 Mulai 1 Oktober 2006 pengawal keselamatan warganegara Nepal dikehendaki menjalani Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Nepal yang dianjurkan oleh Persatuan Perkhidmatan Kawalan

Keselamatan Malaysia dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dalam tempoh 3 bulan setelah pengawal diambil bekerja.

- 6.2 Sekiranya pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak lagi diperlukan untuk bertugas di mana-mana premis kerana syarikat telah tamat kontrak dengan pelanggan, maka syarikat dikehendaki menghantar pulang pengawal keselamatan berkenaan dan mengemukakan *check out* memo. Syarikat boleh menggunakan kelulusan yang sama untuk mengambil pengawal keselamatan warganegara Nepal (bekas tentera) sekiranya syarikat memperoleh kontrak yang baru dari pelanggan yang memerlukan perkhidmatan pengawal keselamatan Nepal sebelum tamat tempoh kelulusan iaitu 5 tahun. Syarat-syarat adalah seperti di para 4. 2.3.

## **7. PENUTUP**

Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan di atas akan mengakibatkan kelulusan/kemudahan pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal (bekas tentera) kepada agensi berkenaan akan di tamatkan dan di tarik balik serta boleh mengakibatkan penarikan balik lesen agensi berkenaan.

**LAMPIRAN 1**

**DAFTAR PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL**

Ibu Pejabat/Cawangan: \_\_\_\_\_

Bulan: \_\_\_\_\_

Bil	Nama Pekerja	Nombor Passport	Tarikh Lahir	Tarikh masuk Kerja	Tempat Bekerja	Jawatan	Alamat Tempat Tinggal Di Malaysia	Tarikh Tamat PLKS